

NOTIS

Mesyuarat Agung Tahunan Yang Kelapan Belas

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan AMMB Holdings Berhad (“Syarikat”) yang Kelapan Belas akan diadakan di Manhattan II, Tingkat 14, Berjaya Times Square Hotel & Convention Center, No. 1 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 13 Ogos 2009 pada jam 10:00 pagi untuk tujuan-tujuan berikut:

Perkara	Agenda	Resolusi
Sebagai Urusan Biasa		
1.	Untuk menerima Penyata Kewangan Diaudit serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit mengenainya bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.	Resolusi No. 1
2.	Untuk meluluskan pembayaran dividen pertama dan akhir sebanyak 8.0% ditolak cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.	Resolusi No. 2
3.	Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah sebanyak RM72,000.00 setahun untuk setiap Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.	Resolusi No. 3
4.	Untuk memilih semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusan Syarikat: a. Y Bhg Tan Sri Dato’ Mohd Ibrahim Mohd Zain b. Dr Robert John Edgar c. Encik Cheah Tek Kuang	Resolusi No. 4 Resolusi No. 5 Resolusi No. 6
5.	Untuk melantik semula Encik Mark David Whelan yang bersara menurut Artikel 97 Tataurusan Syarikat.	Resolusi No. 7
6.	Untuk mempertimbang dan jika dipersetujui berupaya, meluluskan Resolusi-resolusi berikut menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965: 6.1 “BAHAWA Y Bhg Tan Sri Dato’ Azman Hashim, bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965, akan dan di sini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk memegang jawatan ini sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.” 6.2 “BAHAWA Y A Bhg Tun Mohammed Hanif Omar, bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965, akan dan di sini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk memegang jawatan ini sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.”	Resolusi No. 8 Resolusi No. 9
7.	Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young, Juruaudit yang akan bersara, dan untuk memberi kuasa kepada para Pengarah bagi menentukan ganjaran mereka.	Resolusi No. 10
Sebagai Urusan Khas		
Untuk mempertimbangkan dan jika difikir sesuai, meluluskan resolusi-resolusi yang berikut sebagai Resolusi -resolusi Biasa:		
8.	Cadangan Memperbaharui Kuasa untuk Memperuntukan dan Menerbitkan Saham Biasa Baru dalam Syarikat, Selaras dengan Skim Saham Eksekutif Syarikat “BAHAWA menurut Skim Saham Eksekutif Syarikat (“ESS”) yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Luarbiasa Syarikat yang diadakan pada 26 September 2008, Pengarah-pengarah Syarikat di sini diberi kuasa untuk menetapkan dan menerbitkan sejumlah saham biasa baru dalam Syarikat dari semasa ke semasa seperti yang diperlukan untuk tujuan ESS, dengan syarat jumlah saham biasa yang baru dan yang sedia ada dalam Syarikat untuk ditetapkan dan diterbitkan dan/atau dipindahkan, menurut keperluan, di bawah ESS, tidak akan melebihi lima belas peratus (15%) dalam agregat jumlah modal saham biasa yang diterbitkan dan berbayar dalam Syarikat pada bila-bila masa sepanjang tempoh ESS.”	Resolusi No. 11
9.	Cadangan Memperbaharui Kuasa untuk Memperuntukan dan Menerbitkan Saham Biasa Baru dalam Syarikat kepada Encik Cheah Tek Kuang, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat, Selaras dengan Skim Saham Eksekutif Syarikat “BAHAWA menurut Skim Saham Eksekutif Syarikat (“ESS”) yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Luarbiasa Syarikat yang diadakan pada 26 September 2008, bergantung kepada kelulusan untuk Resolusi No. 11 di atas, Pengarah-pengarah Syarikat di sini diberi kuasa untuk menetapkan dan menerbitkan sejumlah saham biasa baru dalam Syarikat kepada Encik Cheah Tek Kuang, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat, dari semasa ke semasa seperti yang diperlukan untuk tujuan ESS, dan mematuhi undang-undang Kecil yang ditetapkan dalam Appendix I untuk Pemberitahuan buat Pemegang Saham bertarikh 4 September 2008.”	Resolusi No. 12
10.	Kuasa untuk Menerbitkan Saham Selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 “BAHAWA tertakluk kepada kelulusan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, di mana kelulusan tersebut diperlukan, Lembaga Pengarah adalah dengan ini diberikan kuasa sepenuhnya mengikut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan saham dalam modal Syarikat, pada bila-bila masa di bawah syarat-syarat dan bagi tujuan-tujuan tersebut, mengikut pertimbangan yang dianggap layak oleh Lembaga Pengarah-pengarah Syarikat, asalkan agregat bilangan saham yang akan diterbitkan menurut resolusi ini, tidak melebihi sepuluh peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat tempoh ini.”	Resolusi No. 13
11.	Untuk membincangkan lain-lain perkara yang mana notis sewajarnya telah pun diterima.	

Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa dividen pertama dan akhir sebanyak 8.0% ditolak cukai bagi tahun kewangan 31 Mac 2009, jika diluluskan oleh pemegang-pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang Kelapan Belas akan dibayar pada 4 September 2009 kepada pemegang-pemegang saham yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada 21 Ogos 2009.

Seorang pendeposit hanya layak untuk hak sekiranya :

- a. Saham dipindah ke akaun sekuriti pendeposit sebelum 4.00 petang pada 21 Ogos 2009 bagi pindahan biasa; dan
- b. Saham dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar kelayakan mengikut Peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

RAVINDRA KUMAR THAMBIMUTHU

(LS 0000902)

Setiausaha Syarikat Kumpulan

Kuala Lumpur

22 Julai 2009

Nota-nota:

- (1) Seorang pemegang saham syarikat yang berhak hadir dan mengundi berhak melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi atau wakil yang diberi kuasa tidak semestinya seorang pemegang saham Syarikat. Di bawah Seksyen 149(1) Akta Syarikat, 1965, jika seorang proksi bukan seorang pemegang saham, ia mestilah merupakan seorang peguam, seorang juruaudit syarikat bertauliah atau seorang yang mendapat kebenaran Pendaftar Syarikat dalam kes tertentu.
- (2) Seorang Nomini Sah seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Simpanan Pusat) 1991, boleh melantik seorang proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegangnya di mana saham biasa Syarikat dikreditkan ke dalam akaun sekuriti tersebut. Seorang proksi yang dilantik haruslah pemilik berfaedah saham dalam akaun sekuriti tersebut atau seorang sebagaimana tersebut di bawah Seksyen 149(1) Akta Syarikat, 1965.
- (3) Suratcara pelantikan proksi bagi individu mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakil yang diberi kuasa dan bagi sebuah perbadanan, suratcara pelantikan proksi atau proksi-proksi mestilah disempurnakan di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa berbuat demikian.
- (4) Suratcara pelantikan proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur tidak kurang daripada 48 jam sebelum waktu Mesyuarat Agung Tahunan. Hari dan waktu terakhir untuk menyerahkan Borang Proksi adalah pada hari Selasa, 11 Ogos 2009 pada jam 10:00 pagi.
- (5) Hanya Ahli yang namanya muncul di rekod Pendeposit Mesyuarat Am Syarikat pada 7 Ogos 2009 akan layak menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan.
- (6) **Nota Penjelasan ke atas Resolusi No. 11 dan No. 12**
Resolusi Biasa No. 11 dan No. 12 – Cadangan Memperbaharui Kuasa untuk Memperuntukkan dan Menerbitkan Saham Biasa Baru dalam Syarikat ("Skim Saham Baru") selaras dengan Skim Saham Eksekutif Syarikat serta Cadangan Memperbaharui Kuasa untuk Menetapkan dan Menerbitkan Saham Biasa Baru dalam Syarikat ("Skim Saham Baru") kepada Encik Cheah Tek Kuang, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat, selaras dengan Skim Saham Eksekutif Syarikat.

Kuasa yang diberikan mandat/kelulusan akan berkuatkuasa pada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") ini dan jika tidak ditarik balik atau diubah pada Mesyuarat Am, dan berakhir di AGM yang akan datang.
- (7) **Nota Penjelasan untuk Resolusi No. 13 – Kuasa untuk Menerbitkan Saham mengikut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965**
Resolusi Biasa No. 13, jika diluluskan, akan memberikan para Pengarah Syarikat, dari tarikh Mesyuarat Am, kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham biasa daripada modal saham Syarikat yang belum diterbitkan sehingga jumlah agregat tidak melebihi sepuluh peratus (10.0%) daripada modal saham terbitan Syarikat buat sementara waktu, jika dan apabila peluang perniagaan muncul dan dinilai sebagai berfaedah kepada Syarikat dan/atau melibatkan cadangan yang sebelum ini diluluskan oleh Pemegang Saham untuk terbitkan saham. Kuasa ini, kecuali ditarik balik atau diubah di Mesyuarat Am, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

Para Pengarah Syarikat tidak memperuntukkan atau menerbitkan saham biasa selaras dengan kuasa yang diberikan oleh Pemegang Saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu.

PENYATA MENGIRINGI

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Pengarah-pengarah Yang Menawarkan Diri Untuk Dipilih/Dilantik Semula Di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Yang Kelapan Belas

Pengarah-pengarah yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusan Syarikat dan menawarkan diri untuk dipilih semula adalah seperti berikut:

- Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain
- Dr Robert John Edgar
- Encik Cheah Tek Kuang

Encik Mark David Whelan dilantik untuk menyertai Lembaga Pengarah pada 2 Januari 2009, bersara menurut Artikel 97 Tataurusan Syarikat, dan beliau memang ingin dilantik semula.

Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim mencapai usia 70 tahun pada 17 Julai 2009 manakala Y A Bhg Tun Mohammed Hanif Omar mencapai usia 70 tahun pada 16 Januari 2009, dengan persaraan mematuhi Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 dan memang ingin dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat yang akan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan seterusnya.

Butir-butir mengenai Pengarah-pengarah di atas yang menawarkan diri untuk dipilih/dilantik semula adalah dibentangkan dalam profil masing-masing di Profil Para Pengarah dan pegangan sekuriti mereka di dalam Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya dibentangkan dalam Struktur Pemegangan Saham di dalam Laporan Tahunan ini.